BAB II

SEJARAH SADONG JAYA

A. Letak Geografis

Sadong Jaya awalnya merupakan daerah kecil di bawah pemerintahan Daerah Simunjan dan mulai 1 Januari 2002, Daerah Kecil Sadong Jaya telah menjadi daerah kecil di bawah pentadbiran Daerah Asajaya. Jarak Sadong Jaya ke Asajaya ialah 15 km, 75 km dari Kuching dan 35 km dari Samarahan (menggunakan perkhidmatan feri). Sadong Jaya terkenal dengan aktivitas pertanian seperti kelapa, kelapa sawit, pisang, nenas, limau, penternakan ikan, udang, ayam dan sebagainya. Kegiatan pertanian ini telah giat dijalankan sejak 1964 setelah Projek Saliran Asajaya siap dengan kawasan seluas 18,143 hektar di Semenanjung Asajaya yang terletak di antara Batang Samarahan dan Batang Sadong.[13]

Penduduknya masih bergantung kepada sektor pertanian sebagai mata pencarian utama mereka. Sehubungan dengan itu, sektor pertanian dan industri makanan ini perlu mencari langkah-langkah baru dan berinovatif untuk dilaksanakan bagi mempertingkatkan sumbangan sektor juga meningkatkan pendapatan dan taraf hidup penduduk luar bandar.

Kegiatan pertanian berskala besar utamanya adalah penanaman kelapa sawit juga diusahakan di Sadong Jaya dengan kerjasama FELCRA memainkan peranan utama. Ladang kelapa sawit yang dibuka ini telah

[13] Awang Aziz Bin Awang Ali, *Wawancara*, Sadong Jaya, 28 Mei 2015.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

memberi peluang pekerjaan kapada para pemuda dan penduduk setempat. Ia melibatkan penduduk di lima kawasan yaitu Sungai Buluh, Senangeh, Terasi, Sadong Jaya dan Jemukan dengan keluasan tanaman seluas 864.32 hektar dan proyek penanaman ini akan diluaskan di beberapa tempat.[14]

Sejarah Sadong Jaya (atau sewaktu dahulu dikenal sebagai Pendam), bermula apabila kawasan ini mulai ditelusuri oleh beberapa orang penduduk. Penelusuran awalnya ialah Abang Man dan Abang Alet yang berasal dari Sebangan. Tujuan mereka menelusuri ini ialah untuk berkebun di samping membuka kawasan baru bagi penduduk Sebangan. Sementara nama Pendam diambil dari kejadian masyarakat Iban yang menetap di kawasan Pendam yang meninggal dunia akibat memakan seekor ular besar. Pada waktu itu orang iban tersebut menanam padi.

Diceritakan bahwa pada suatu hari mereka mau memanen padi dan melihat padi mereka habis. Mereka mengumpulkan semua warga untuk melihat apakah yang menyebabkan padi mereka habis karena tidak ada jejak yang tinggal di sekitar kawasan tersebut yang menyebabkan padi mereka habis. Pada waktu malam tersebut mereka berencana pergi ke sawah padi dan melihat kejadian tersebut dan ternyata yang menghabiskan padi mereka adalah makhluk seperti ular tetapi bisa terbang. Ular tersebut datang dari atas dan memakan semua padi tersebut. Orang iban tersebut merasa marah terhadap ular itu dan berencana menangkap dan memakan ular tersebut. Maka dibahagilah ular itu kepada warga untuk dimakan.

[14] Ibid.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

Menurut cerita masyarakat, hanya seorang wanita yang sedang hamil yang tidak memakan ular itu dan melalui wanita tersebut kejadian ini diceritakan.[15]

Dalam Bahasa Iban, perkataan Pendam bermaksud "kubur" dan disebabkan kejadian sedih ini, banyak yang dikuburkan di tempat ini mengetahui akan cerita ini. Kini, nama Pendam hanya tinggal kenangan karena telah diubah menjadi Sadong Jaya oleh Yang Terutama Ketua Menteri Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud beberapa tahun yang lalu. Menurut pemimpin masyarakat di sini, perkataan "Sadong" diambil dari bentuk geografi kawasan ini yaitu berdekatan dengan Batang Sadong (daripada Kuala Sadong membentang ke Laut Cina Selatan) sedangkang perkataan "Jaya" berasal dari perkataan "berjaya" yang pastinya menjanjikan kejayaan yang berkekalan.[16]

Pemerintah Baru di Bawah Daerah Asajaya Pada 1 Januari 2003 adalah detik bersejarah buat Daerah Kecil Sadong Jaya kerana secara rasmi Daerah Kecil Sadong Jaya berada di bawah pemerintahan Daerah Asajaya. Hal ini berlaku dengan pertukaran daerah kecil Asajaya kepada daerah penuh. Sebelum ini, Daerah Kecil Sadong Jaya berada di bawah pemerintahan Daerah Simunjan. Struktur Pemerintahan yang lebih efektif karena beberapa kawasan pemerintahan telah diperkecil dan diambil oleh daerah yang berdekatan sehingga menjadikan ia mudah untuk diperintah dan diurus. Terdapat 21 buah kampung berada di bawah pemerintahan

[15] Yaakub Bin Mat Sah, *Wawancara*, Sadong Jaya Hulu, 21 Mei 2015.
[16] Sabang Bin Mat Sah, *Wawancara*, Sadong Jaya, 3 Mei 2015.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

Pejabat Daerah Kecil Sadong Jaya meliputi kawasan Sebangan dan Sadong Jaya yang terdiri dari pelbagai kaum seperti Melayu, Iban, Cina, Bugis, Jawa dan lain-lain. Pengangkutan utama kenderaan bermotor.

Manakala kawasan Sebangan juga di bawah pemerintah Pejabat Daerah Kecil Sebuyau. Masalah tidak lagi timbul untuk ke Sadong Jaya, ini karena berbagai transportasi yang ada seperti Bas, Van dan Ekspres Air/Bot tambang. Perjalanan ke Sadong Jaya dari bandaraya Kuching hanya memakan waktu satu jam saja. Kini kebanyakan anak-anak muda Sadong Jaya bisa pulang pergi ke bandaraya Kuching untuk bekerja di sektor industri, swasta dan pemerintah. Kedudukan Pekan Sadong Jaya amat strategis dan merupakan jalur utama sungai dan darat yang merupakan pusat ekonomi bagi daerah ini.

Peristiwa bersejarah di Sadong Jaya berdasarkan cerita pemimpin masyarakat di sini, di Sadong Jaya pernah berlaku peristiwa bersejarah yaitu ketika kapal *Sharif* Masahor telah tenggelam akibat diserang oleh penjajah pada masa itu, sebelum mereka melarikan diri dari Ensengai (kawasan Simunjan) ke Lingga. Peristiwa ini telah berlaku di muara Sungai Pendam.[17]

B. Masyarakat di Sadong Jaya

Kemudahan dan Kegiatan Ekonomi di Sadong Jaya atau dikenali dengan Pekan Sadong Jaya mempunyai sebuah bangunan kedai kayu,

[17] Sabang Bin Mat Sah, *Wawancara*, Sadong Jaya, 3 Mei 2015.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

gerai Majlis Daerah Samarahan dan dua buah deretan bangunan konkrit.[18] Selain Pasar Daerah Kecil Sadong Jaya terdapat juga kedai-kedai di kawasan lain seperti di Jemukan (tiga buah), Semera (tujuh buah) dan masing-masing satu buah di Terasi dan Iboi. Sumber pendapatan utama penduduk di sini ialah pertanian yaitu menanam pelbagai jenis tanaman seperti kelapa, koko, padi, buah-buahan seperti durian, rambutan, mangga dan lain-lain. Sampai saat ini semua kampung telah melibatkan diri dalam Skim Jabatan Pertanian selain skim pertanian bersepadu atau berkelompok (melibatkan 17 penduduk) yang akan dilaksanakan tidak lama lagi.

Di samping itu, ada segelintir yang menjadi nelayan serta berniaga kecil-kecilan. Ikan Terubok juga merupakan spesis ikan utama yang boleh didapati di sini hingga pada saat musim tiba. Rata-rata kaum Cina yang menetap di sini terdiri dari golongan peniaga dan juga mengusahakan ternak udang harimau. Di Sadong Jaya juga terdapat Kilang Tebaloi yang diusahakan oleh pertubuhan peladang. Kegiatan pertanian berskala besar terutamanya penanaman kelapa sawit juga diusahakan di Sadong Jaya dengan FELCRA memainkan peranan utama.[19]

Ladang kelapa sawit yang dibuka ini telah memberi peluang pekerjaan kepada para pemuda dan penduduk setempat. Ia melibatkan penduduk di lima kawasan yaitu Sungai Buluh, Senagih, Serasi, Sadong Jaya dan Jemukan. Kemudahan Asas Sadong Jaya seperti jalan raya menghubungi Sadong Jaya ke Sungai Bulu sepanjang 11.7 km dengan

[18] Awang Aziz Bin Awang Ali, *Wawancara*, Sadong Jaya, 28 Mei 2015.
[19] Ibid.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

menelan biaya RM215 juta dan siap dibangun dalam tahun 1999. Rute jalan raya ini meliputi kawasan Sungai Bundong, Sungai Bulu, Rangawan, Senageh, Terasi Ulu, Terasi Iban, Sungai Putin, Sungai Bilis dan Tanjung Kelaso/ Rangkang banyak memberi faedah kepada penduduk terutama dari segi pemasaran hasil tani. Terdapat juga sebuah Klinik Kesehatan Sadong Jaya. Kemudahan tempat beribadah juga tidak diabaikan dan saat ini terdapat sepuluh buah masjid, satu gereja dan tiga klenteng.[20]

Pendidikan Daerah Kecil Sadong Jaya mempunyai keistimewaan tersendiri karena hanya di Sadong Jaya saja terdapat Pesantren yang menekankan pelajaran agama yaitu Pesantren Abdul Taib Mahmud (PATM) yang telah diwujudkan tahun 1992 yang sebelumnya madrasah. Selain itu, terdapat lapan buah sekolah kebangsaan, dua buah sekolah jenis kebangsaan dan sebuah sekolah menengah. Selain itu, kira-kira 15 km dari pekan Sadong Jaya terdapat sebuah institusi pendidikan teknikal iaitu Pusat Giat MARA Batang Sadong yang menawarkan beberapa kursus seperti Teknologi Automotif/Teknologi Membaiki Motosikal dan Teknologi Fabrik Jahitan yang terletak di Kampung Semera.

Pembangunan kawasan Sadong Jaya adalah dibawah ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) N.20 Sadong Jaya iaitu YB AIDEL LARIWOO dan ahli Parlimen P.174 Batang Sadong YB NANCY SHUKRI sedang menuju ke arah pembangunan. Mulai berkembangnya perubahan pembangunan di daerah ini khususnya rute jalan raya,

[20] Sabang Bin Mat Sah, *Wawancara*, Sadong Jaya, 3 Mei 2015.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

penduduk yang tinggal di Sadong Jaya kini bisa pergi ke bandaraya Kuching dalam masa yang singkat. Ia juga dapat memberikan kemudahan dalam pengangkutan hasil pertanian dan beberapa urusan penduduk sehari-hari yang ada di kampung dapat diurus dengan cepat karena perjalanannya menempuh waktu yang singkat.

Perubahan pembangunan di kawasan ini merupakan salah satu kelebihan bagi penduduk-penduduk di Sadong Jaya dan ini berkat konsep politik pembangunan yang dirancang oleh pemimpin kita dan ternyata ia diterima baik oleh penduduk. Daerah Kecil Sadong Jaya berada 15 km dari Daerah Asajaya, 75 km dari Kuching, 25 km dari Samarahan (menggunakan transportasi Feri). Keistimewaan Sadong Jaya terkenal dengan hasil pertaniannya seperti kelapa, nanas, limau dan sebagainya.[21]

Komposisi Penduduk Melayu (9,363), Cina (898), Iban (725), Lain-Lain (586) Pekerjaan Utama Nelayan (15%), Petani (40%), kerajaan (15%), swasta (25%), Lain-Lain (5%) Kemudahan Asas Bekalan Air, Elektrik, Telefon, Sekolah Rendah (8), Sekolah Jenis Kebangsaan (8), Sekolah Menengah (1), Pesantren, Masjid (10), Surau (17), Gereja (1), Klenteng (3), Klinik Kesehatan (3), Dermaga (1) Perhubungan Utama Perjalanan darat (Bas, Van Sewa dan Kenderaan Sendiri) Agensi Kerajaan KEMAS, Jabatan Perikanan, Jabatan Kesehatan, Polisi, RELA, Majlis

[21] Ibid.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

Daerah, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), Persatuan Nelayan Kawasan (PNK), Pusat Giat MARA dan FELCRA MP.[22]

C. Masuknya Islam di Sadong Jaya

Kisah Datuk Merpati Jepang juga menandakan permulaan sejarah umat Islam di lembah Sungai Sarawak dengan berdirinya sebuah kerajaan di Pasir Kuning yaitu Santubong.[23] Hal ini dibuktikan dengan tradisinya, Datuk Merpati Jepang inilah nenek moyang golongan berketurunan Abang di Sarawak. Kisah Datuk Merpati selalu dikaitkan dengan mitos dan dongeng yang ada kalanya tidak masuk akal; misalnya, salah seorang adik beradiknya dikatakan pernah berubah menjadi naga dan menyelematkan ayah dan keluarganya dari kesusahan. Begitulah lumrah masyarakat Melayu yang suka menambahi cerita demi membuat cerita tersebut menarik bagi pendengarnya. Akibatnya generasi hari ini tidak dapat mengetahui asal usul mereka dengan benar dan memuaskan hati.

Cerita tentang Datuk Merpati Jepang mungkin bisa dipertanyakan kebenarannya, tetapi Santubong memiliki bukti-bukti sejarah yang menunjukkan bahwa tempat tersebut adalah sebuah kota pelabuhan (port city) yang penting sejak abad ke-7 M lagi. Kajian arkeologi menunjukkan bahawa sudah terdapat kerajaan tua Melayu Sarawak di Santubong. Begitu

[22] Ibid.
[23] Sanib Said, *Umat Islam di Sarawak*: *Dulu, Sekarang dan Akan Datang, dlm. Masyarakat Melayu Sarawak: Himpunan Kertas Seminar Budaya Melayu II* (Kuching: Yayasan Budaya Melayu Sarawak, 1998), 31.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

juga halnya di Samarahan, Kalaka, dan Sadong.[24] Walaubagaimanapun, kesemua kerajaan Melayu/Islam Sarawak yang tua ini telah jatuh ke tangan Kesultanan Islam Brunei dan diceritakan dalam hikayat-hikayat lama seperti Syair Awang Samaun dan Silsilah Raja-Raja Brunei.[25] Seperti yang telah disebutkan, peluasan kerajaan Brunei terjadi dengan pesatnya ketika pemerintahan Sultan Bolkiah pada kurun ke-16 M dan pada waktu itulah Kesultanan Melayu/Islam Brunei meluaskan pengaruhnya ke Filipina, Sabah, dan seterusnya Sarawak.

Di bawah sistem pemerintahan Kesultanan Brunei, lembah Sungai Sarawak telah diberi sedikit kuasa otonom dengan pembesar-pembesar Melayu setempat sendiri seperti Datu Patinggi, Datu Bandar, dan Datu Temenggong.[26] Pada abad ke-17, Sarawak menjadi sebuah negeri berdaulat ketika Sultan Brunei melantik adindanya Pengiran Tengah menjadi Sultan Sarawak Darul Hana. Dan bagindalah (Sultan Tengah) sultan Sarawak yang pertama dan terakhir.

Perkembangan Islam di Brunei menjadi kokoh pada zaman pemerintahan sultan yang ketiga yaitu Sultan Ali Bilfalih (1425-1432 Masehi) yang asalnya adalah seorang pedagang Islam dari Tanah Arab yang datang berdagang sambil berdakwah. Pernikahan beliau dengan anak perempuan Sultan Brunei yang kedua (Sultan Ahmad) yaitu Ratna Kesuma memberikan peluang besar untuk beliau menyebarkan Islam melalui perkawinan dan kekuasaan. Pengaruh pemerintahan Kesultanan

[24] Ibid.,33-38.
[25] Ibid.,40.
[26] Ibid.,42.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

Brunei di Sarawak banyak mencorakkan kehidupan masyarakat Melayu Sarawak yang tinggal di pesisir pantai dan sungai Sarawak karena kedudukan geografis mereka mudah untuk didatangi. Hal ini tertumpu kepada beberapa tempat barat daya Borneo terutama di Kuching, Kelaka, Sadong, Semanggang, Sibu, Lundu, Saribas, Muara Sungai Rejang hingga sepanjang kawasan Tanjung Datu dan Tanjung Sirik.

Beberapa wilayah naungan Brunei terutama Sarawak pada waktu itu juga *ditadbir* (diurus) oleh para *Sharif* berketurunan Arab dari pihak pemerintah Brunei. Dalam hal ini, kelompok pedagang dan pendakwah dari Tanah Arab mendapat penghormatan dan kepercayaan penduduk lokal pada waktu itu karena mereka disifatkan sebagai seseorang yang mempunyai ilmu pengetahuan yang luas, mengetahui seluk-beluk (Islam) dan memiliki kemampuan dalam mengurus negara. Di samping bertugas mengurus negara, mereka secara langsung menjalankan usaha dakwah yang telah *digiatkan* (diusahakan) oleh pemerintah Brunei.[27] Darah diraja Brunei yang mempunyai darah Arab juga mungkin menjadi faktor para *Sharif* ini diberi kepercayaan. Mereka adalah *Sharif* Jaafar di Lingga, *Sharif* Maulana di Kalaka, *Sharif* Shabudin dan *Sharif* Shahab di Sadong, selain para *Sharif* di Skrang dan Serikei. Semua wilayah di atas adalah berada dalam Negeri Sarawak pada saat ini.

Kemudian setelah ketibaan James Brooke yang bercita-cita tinggi ke Sarawak, maka menyusutlah pengaruh dan kuasa pembesar-pembesar

[27] Ismail Mat, *Islam di Brunei, Sarawak dan Sabah* (Kuala Lumpur: Penerbitan Asiana, 1989), 59-60.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

Melayu/Islam di Sarawak dan hampir pupus sama sekali ketika era penjajahan British.[28] Akan tetapi keberadaan para *Sharif* berketurunan Arab dalam pemerintahan dan politik dapat *menggugat* (melawan) usaha penjajahan Barat. Hal ini terbukti ketika James Brooke mau meluaskan wilayahnya di Sarawak, penentangan utama yang dihadapinya datang dari para *Sharif* berketurunan Arab. Oleh karena itu, para *Sharif* ini dijuluki sebagai *pengacau* (pemberontak) dan lanun (bajak laut) oleh Brooke dengan alasan untuk menghapuskan mereka.

Dakwah Islamiyyah dan Islamisasi semakin kokoh tersebar ketika menjadi sebuah kuasa politik yang kuat pada abad ke 15 Masehi serta mempunyai pemerintahan yang terkenal pada waktu itu yaitu Sultan Bolkiah (1516-1521 Masehi). Pada zaman baginda, Brunei telah menguasai seluruh wilayah di Sarawak, Kalimantan, Sabah, kepulauan Sulu dan Palawan di Selatan Filipina. Hal tersebut tentunya menjadikan Brunei sebuah negara yang kuat dan berpengaruh serta mempunyai ruang untuk melakukan dakwah Islammiyah yang begitu luas.

Islam mula masuk ke Sarawak pada abad ke 19. Kemasukan Islam ke Sarawak adalah lebih awal berbanding dengan kemasukan Kristen. Kristen mula memasuki Sarawak yaitu selepas kedatangan James Brooke. Faktor utama Islam mula berkembang di Sarawak disebabkan kejatuhan kerajaan Majapahit dan Srivijaya pada abad ke 15 dan peran kerajaan

[28] Sanib Said, *Umat Islam di Sarawak*: *Dulu, Sekarang dan Akan Datang, dlm. Masyarakat Melayu Sarawak: Himpunan Kertas Seminar Budaya Melayu II* (Kuching: Yayasan Budaya Melayu Sarawak, 1998), 45.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

Aceh dan Melaka pada tahun 1450 M.[29] Gerakan misi Kristen bermula sejak kedatangan Inggris ke Sarawak dan ketika berada di bawah pentadbiran keluarga Rajah Brooke.[30] Tujuan pengkristenan di Sarawak ialah untuk menarik sebanyak-banyaknya penduduk Sarawak sebagai penganut Kristen yang baru. Di samping itu, para mubaligh juga ingin mengugat kekuatan akidah atau pegangan umat Islam dengan cara merusak nilai-nilai kerohanian atau sifat mulia yang sudah lama di jiwa umat Islam.[31]

Tujuan lain sebuah negara besar menaklukan negara kecil ialah untuk menguasai kekuatan politik dan ekonomi bagi kepentingan negara penjajah. Para mubaligh mengetahui zaman membawa masyarakat Islam kepada Kristen melalui cara peperangan tidak sesuai lagi pada zaman ini. Mereka menggunakan pendekatan dengan lebih berhati-hati melalui badan-badan kebajikan dan sebagainya.

James Brooke adalah pemerintah Inggris pertama yang dikirim ke Sarawak pada tahun 1840 M. Dia berhasil memerintah urusan politik dan ekonomi Sarawak dengan baik, pada masa yang sama James Brook turut berperan menyebarkan agama Kristen kepada penduduk Sarawak.[32] Kejayaannya telah menarik perhatian kerajaan Inggris. Sebagai langkah awal, satu pertemuan kumpulan kecil gerakan misi gereja Borneo (Borneo

---

[29]Chang Pat Foh, *History Of Bidayuh in Kuching Division* (Sarawak: Sarawak Press, 2000), 41-43.
[30] S. Baring-Gauld & CA Bamptyldy, *A History of Sarawak under its Two White Rajah 1839-1908* (Kuala Lumpur: Publisher Synergy Media S.A Majeed 2007), 485.
[31] Muhammad Izzat Ismail, *Al Tabsyir Wa Al Istisyraq: Ahqad Wa* (Kuching Sarawak: Media Press 1987), 6.
[32] Ooi Keat Ginn, *Mission Education In Sarawak During The Period Of Brook Rule 1840-1946* (The Sarawak Museum Journal 1987), 284-301.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

Church Mission) telah diadakan di kota Inggris pada 2 Mei 1846 M untuk membincangkan tentang penubuhan gerakan misi Kristen di Sarawak. Selepas itu, Kapten C.R.D Benthem dan Henry Wise datang menemui James Brooke di Sarawak. Mereka telah membentangkan Salinan watikah (Surat Kepercayaan) penyerahan Sarawak daripada Kesultanan Brunei kepada Kerajaan Inggris. Kedua mereka juga menyatakan sokongan dan dorongan atas cadangan penubuhan Mission Church of England di Sarawak oleh James Brooke. Pada tahun 1847 seorang Doktor berbangsa *Irish* telah dilantik sebagai misi pertama dan dikirim ke Sarawak dengan dibantu oleh William.[33]

Di Miri contohnya, menurut tradisi setempat, orang pertama yang bertanggung jawab membawa agama Islam ke bandar minyak (pada masa itu masih berupa perkampungan nelayan) tersebut ialah Nahkoda Gampar dan anaknya. Masjid Miri yang pertama telah dibangun pada abad ke-19 M di tebingan sungai Miri dan dapat memuatkan kurang lebih 100 orang jama'ah. Masjid yang kedua juga dibangun pada era sebelum Perang Dunia ke-II dan dapat memuatkan kira-kira 200 orang jama'ah.[34]

Namun pada hari ini kesan-kesan awal Islam di bandaraya tersebut tidak mungkin dapat diketahui lagi. Yang ada hanyalah Islam yang diketahui pada hari ini berdasarkan tempat, orang, dan bangunan yang ada pada masa kini. Generasi-generasi awal juga semakin hari semakin ramai yang telah kembali ke rahmatullah. Tidak banyak yang dapat kita pelajari

[33] Ibid.
[34] Awang Aziz Bin Awang Ali, *Wawancara*, Sadong Jaya, 28 Mei 2015.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

daripada sejarah masa silam. Dan yang lebih menyedihkan tidak banyak di kalangan masyarakat Melayu/Islam di Miri yang mengetahui, dan mau mengetahui, tentang sejarah umat ini. Jati diri Melayu mereka mungkin masih kukuh dan dipertahankan. Tetapi nilai-nilai Islam dan sifat-sifat yang seharusnya ada pada seorang Muslim dan Muslimah kelihatan semakin terkikis.[35]

Jika kita melihat kembali peristiwa-peristiwa bersejarah di negeri ini, pasti kita akan mengetahui bahwa pada suatu ketika pernah ada individu-individu Muslim yang berjuang demi agama dan tanah air hingga ke tetes darah yang terakhir. Bagi masyarakat Melayu di Sibu, nama Rosli Dhobi sudah pasti suatu nama yang amat dikenali hingga ke hari ini.[36] Jasanya tentang keikhlasannya berjuang mempertahankan maruah agama dan tanah air, terus dikenang oleh rakyat melampaui zamannya. Sebelum itu, telah ada pejuang-pejuang Melayu/Islam yang cakap dan tabah seperti Sharif Masahor yang terkenal dengan penentangannya terhadap pemerintahan Brooke. Dan banyak lagi pejuang-pejuang Melayu/Islam Sarawak yang nama-nama mereka tertulis di dalam rekaman sejarah negeri ini. Dan catatan ini sekadar untuk mengungkapkan bahwa kelompok Melayu/Islam telah memainkan peranan yang cukup penting dalam pembentukan dan pembangunan sebuah negeri yang bernama Sarawak ini.

[35] Awang Aziz Bin Awang Ali, *Wawancara*, Sadong Jaya, 28 Mei 2015.
[36] Sabang Bin Mat Sah, *Wawancara*, Sadong Jaya, 3 Mei 2015.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id